

22/02/2003

Ironman banyak pengajaran: Dr M

Wan Jailani Razak

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dunia boleh belajar pengajaran berharga daripada falsafah Ironman apabila bangsa, agama dan penguasaan dunia bukan perkara utama dalam kejohanan itu.

Kejohanan Ironman, katanya, adalah mengenai bagaimana seseorang boleh menyempurnakan tugas yang seolah-olah mustahil apabila mereka menumpukan sepenuh perhatian untuk mencapainya.

Beliau berkata, kejohanan itu mempamerkan hubungan sejagat antara atlit

dalam pertandingan yang menguji tahap kekuatan dan daya tahan mutlak.

"Malaysia adalah negara Islamik yang muda yang berada dalam keadaan aman

dan selamat daripada ancaman keganasan.

"Ini dibuktikan menerusi pertambahan di segi penyertaan daripada triatlit luar negara apabila 90 peratus daripada jumlah peserta yang mendaftar pada kejohanan ini adalah peserta asing," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kata aluan buku cendera hati Ironman Langkawi Malaysia Triatlon (Ironman Langkawi) 2003 yang diedarkan kepada media di perkampungan sukan itu di Hotel Seaview, Langkawi semalam.

Seramai 408 atlit daripada 29 negara akan mengambil bahagian dalam kejohanan esok berbanding 383 orang tahun lalu.

Dr Mahathir yang juga penaung Ironman Langkawi berharap perlumbaan itu akan mencipta nama sebagai kejohanan paling mesra di dunia dan berharap pengunjung menikmati layanan mesra rakyat Malaysia.

Sehubungan itu, beliau memberi jaminan kerajaan akan terus memberi sokongan menerusi agensi kerajaan negeri dan Pusat bagi memastikan perlumbaan berprestij itu terus menjadi tumpuan triatlit antarabangsa.

Dr Mahathir turut mengucapkan tahniah kepada Langkawi International Endurance Marathon (Liem) Sdn Bhd atas kejayaan empat tahun menganjurkan acara sukan antarabangsa itu.

"Ia melakukan kerja yang cemerlang dalam meningkatkan kejohanan sukan bertaraf antarabangsa ini dan saya berharap lebih banyak kejayaan dapat dicapai pada masa depan.

"Langkawi sesungguhnya bertuah kerana menjadi tuan rumah bagi menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa ini," katanya.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein yang

dipetik daripada buku sama, berkata Malaysia bertuah kerana dipilih sebagai tuan rumah bagi acara bertaraf antarabangsa termasuk

pertandingan

orang terkuat, cabaran eko, siri Survivor dan terbaru, Asian X Games.

Beberapa jalan di sekitar Langkawi, kecuali di pekan Kuah, akan ditutup

secara berperingkat bagi memastikan kelancaran Ironman Langkawi esok.

Jalan terbabit ialah jalan hadapan di perkampungan Kastam Jalan Penarak

hingga ke lampu isyarat Jalan Penarak mulai jam 7 pagi Ahad hingga perlumbaan tamat pada jam 3 pagi keesokannya.

Bagi pengguna dari Padang Matsirat yang hendak ke Jeti Kuah, mereka

boleh menggunakan Jalan Padang Gaong, Lubuk Semilang, Jalan Lebuhraya Langkawi yang dibuka di sebelah kanan.

Pengguna dari arah Air Hangat pula dinasihati menggunakan Jalan Kumpulan, Ulu Melaka, Padang Gaong ke Lubuk Semilang melalui Lebuhraya Langkawi untuk ke pekan Kuah.

Seramai 160 anggota polis trafik Langkawi termasuk 54 orang dari Ibu Pejabat Polis Kedah akan ditugaskan mengawal lalu lintas.